

SEWAH INDIA
Indian Cuckoo

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Cuculus micropterus*



CIRI-CIRI

Individu dewasa jantan mempunyai bahagian atas belakang badan, sayap dan ekor yang berwarna coklat di mana bahagian kepala pula berwarna kelabu. Pada bahagian ekor terdapat jalur gelap yang agak lebar. Burung ini mempunyai jalur bulat pada bahagian mata yang berwarna kuning gelap ke warna hijau kekelabuan. Individu dewasa betina mempunyai warna kemerahan pudar merentasi bahagian dada. Bagi individu juvenil pula, bahagian atas kepala dan bahagian sisi kepala berwarna coklat di mana bahagian hujung bulu badan berwarna kuning pucat keputihan. Bahagian atas badan dan sayap berwarna merah atau kuning pucat. Bahagian bawah badan iaitu pada bahagian atas dada, dada dan bawah sayap, terdapat jalur-jalur pudar yang terputus-putus. Bahagian atas dada dan dada individu ini berwarna kemerahan.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 31.0-33.0 sm. Berat 119 g.

MAKANAN

Serangga kecil, invertebra, mamalia kecil dan buah-buahan.

HABITAT

Boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap dan hutan sekunder pada ketinggian sehingga ke 1,830 m dari aras laut. Di Semenanjung Malaysia, ia dijumpai di kawasan yang berketinggian kurang daripada 760 m dari aras laut.

BUNYI

Individu jantan dewasa mengeluarkan bunyi *whi-whi-whi-wu* atau *wa-wa-wa-wu* yang kuat di mana nota terakhir berakhir dengan nada yang rendah dan adakalanya diselang dengan nada yang tinggi. Bagi individu betina dewasa pula, ia mengeluarkan bunyi bergetar yang kuat.

TABIAT

Spesies ini mencari makanan di atas pokok dan kadang-kadang di atas tanah.

PEMBIAKAN

Membiaik seperti burung-burung Sewah yang lain. Burung ini bertelur di dalam sarang spesies Cecawi Rajawali, *Dicrurus macrocerus*, Cecawi Rantau, *D. leucophaeus*, Cecawi Anting-anting, *D. paradiseus* dan spesies Takau Hitam Kuning, *Eurylaimus ochromalus*. Telur yang dihasilkan menyerupai telur pemilik sarang, berukuran kira-kira 26.2 X 17.9 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.